

EJAAN, TANDA BACA DAN IMBUHAN



Edit dan murnikan teks. Tulis jawapan yang betul di ruangan yang disediakan.

Pada hari Ahad yang lepas, saya dan kawan-kawan **menaikkan** _____ bas menuju ke bandar Melaka. Kami tiba di **kampung chetti** _____ pada pukul 8:45 pagi. Kami diberi taklimat terlebih dahulu tentang perlunya menjaga **displin** _____ semasa lawatan.

Selepas itu, kami **berlawat** _____ ke kawasan perumahan Kampung Chetti yang **teletak** _____ di Gajah Berang, Melaka. **Rumah rumah** _____ yang **mendiami** _____ masyarakat Chetti masih kekal tradisinya sehingga sekarang.

Selain itu, kami juga berpeluang untuk melawat ke Muzium Chetti di situ. terdapat pelbagai koleksi di muzium itu. Antara koleksi yang terdapat di muzium tersebut termasuklah pakaian **traditional** _____ perempuan masyarakat Chetti, iaitu kebaya dan kain batik. **Pakai** _____ lelaki pula ialah baju kemeja dan kain pelekat.

Kemudian, kami bergerak ke **majelis** _____ perkahwinan masyarakat Chetti yang terletak berhampiran dengan muzium. Di situ _____ kami dapat melihat persandingan sepasang pengantin _____. Kami juga dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan yang unik dan menarik.

Akhir sekali, kami sempat melihat kolam yang dihasilkan oleh masyarakat Chetti dan pulang dengan **perasan** _____ gembira. Pengalaman melawat ke Kampung Chetti **mengingati** _____ kami agar menghormati budaya lain.

